



Ketua Pengarah  
Dewan Bandaraya  
Kuala Lumpur

Ruj. Kami : (21)d/m. DBKL/JUP/BPP/2012/00161/JP-1

18 Jun 2012

Datuk Ambiga Sreenevasan  
Pengerusi Bersama Perhimpunan BERSIH 3.0

 Puan Maria Chin Abdullah  
Ketua Eksekutif

Y.Bhg. Datuk dan Puan,

**NOTIS TUNTUTAN KERUGIAN DAN KEROSAKAN AKIBAT PERHIMPUNAN BERSIH 3.0**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg. Datuk dan Puan sedia maklum, pihak Y. Bhg. Datuk dan Puan adalah ahli jawatankuasa Perhimpunan BERSIH 3.0 dan jawatan yang dipegang oleh Y.Bhg. Datuk dan Tuan/Puan adalah seperti berikut :-

	<b><u>Nama</u></b>	<b><u>Jawatan</u></b>
a)	Datuk Amibiga Sreenevasan	Pengerusi Bersama
b)	Puan Maria Chin Abdullah	Ahli Jawatankuasa

3. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah tidak membenarkan Dataran Merdeka untuk digunakan bagi Perhimpunan BERSIH 3.0 oleh kerana aktiviti yang dicadangkan tidak bersesuaian dengan penggunaan Dataran Merdeka yang merupakan suatu tempat bersejarah dan tumpuan pelancong-pelancong.



4. Malahan, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah melalui surat bertarikh 19hb. April 2012 telah menolak permohonan yang dikemukakan oleh Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor untuk menggunakan Dataran Merdeka bagi Perhimpunan BERSIH 3.0.

5. Polis Diraja Malaysia ("**PDRM**") juga tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 3.0 diadakan di Dataran Merdeka dan telah menasihati Y.Bhg. Datuk dan Puan untuk membatalkan perhimpunan tersebut yang telah dijangkakan akan mengakibatkan kacau ganggu kepada pihak awam dan kerugian kepada peniaga-peniaga Kuala Lumpur serta kerosakan harta benda awam di Kuala Lumpur.

6. Mahkamah melalui Perintah bertarikh 26hb. April, 2012 di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur melalui Permohonan Jenayah No. : 89-095-04/2012 telah memerintahkan perintah-perintah seperti berikut :-

"Sebarang perhimpunan di dataran merdeka iaitu kesemua permukaan tanah yang disempadani Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Raja dan Jalan Kelab kecuali kawasan yang diduduki oleh Kelab Diraja Selangor di bawah hak milik tanah No. C.T. (R) 4366 Seksyen 59 adalah dengan ini dilarang, dan orang awam diberi amaran agar tidak hadir, berada atau mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa perhimpunan dari 28.4.2012 hingga 1.5.2012."

7. Walaupun pihak Y.Bhg. Datuk dan Puan telah tidak dibenarkan untuk menganjurkan Perhimpunan BERSIH 3.0 di Dataran Merdeka oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, PDRM dan melalui Perintah Mahkamah bertarikh 26hb. April, 2012 tetapi pihak Y.Bhg. Datuk dan Puan telah terus menganjurkan Perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28hb. April, 2012 yang menjadi tidak terkawal dan mengakibatkan kacau bilau di Bandaraya Kuala Lumpur dan kerosakan harta benda awam.

8. Akibat penganjuran Perhimpunan BERSIH 3.0 Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengalami kerugian yang berikut dimana Y.Bhg. Datuk dan Puan adalah bertanggungjawab selaku penganjur Perhimpunan BERSIH 3.0.

a. Jabatan Landskap dan Rekreasi		
- Kerosakan Landskap DBKL	RM	57,850.00
- Kerosakan Pokok	RM	16,702.50
b. Unit Penyenggaraan Bangunan		
- Kos Penghadang Besi	RM	19,654.00



c. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	
- Kos Pengangkutan dan Kakitangan	RM 26,856.95
d. Jabatan Pengangkutan Bandar	
- Kos Kerosakan Papan Tanda dan Barrier	RM 5,900.00
e. Jabatan Penguatkuasaan	
- Elaun Lebihmasa Kakitangan Bertugas	RM 174,240.00
- Kos Makanan dan Minuman	RM 45,000.00
- Kos Pengangkutan	RM 5,000.00

JUMLAH : RM 351,203.45.00  
=====


9. Dengan ini pihak Y.Bhg. Datuk dan Puan diarahkan untuk menjelaskan bayaran sebanyak **RM 351,203.45** berserta dengan kos bagi Notis ini sebanyak **RM 100.00** kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur di alamat di bawah dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** dari tarikh Notis ini.

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR  
D/A JABATAN KEWANGAN  
BAHAGIAN HASIL  
TINGKAT BAWAH MENARA DBKL 1  
JALAN RAJA LAUT 50350 KUALA LUMPUR.**

10. Sekiranya pihak Y.Bhg. Datuk dan Puan gagal berbuat demikian dalam tempoh yang diberikan, tindakan undang-undang terhadap Y.Bhg. Datuk dan Puan akan diteruskan tanpa sebarang notis dan segala kos dan perbelanjaan berkaitan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Y.Bhg. Datuk dan Puan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**" BERSEDIA MENYUMBANG, BANDAR RAYA CEMERLANG "**

  
**(DATUK HAJI SALLEH BIN YUSUP)**  
Ketua Pengarah  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



s.k. Datuk bandar Kuala Lumpur

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Sosio-Ekonomi

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

Timbalan Ketua Pengarah Perancangan

Timbalan Ketua Pengarah Pelaksanaan Projek & Penyenggaraan

Pengarah  
Jabatan Kewangan

Pengarah  
Jabatan Landskap dan Rekreasi

Pengarah  
Pentadbiran

Pengarah  
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Bandar

Pengarah  
Jabatan Penguatkuasaan